

# Tafsiran Evolusi Sosial dan Konsep Kerajaan berdasarkan Falsafah Marx-Engels: Kesesuaian dan Aplikasi?

NASHA BIN RODZIADI KHAW

## 1 Latar Belakang

Kemunculan kota-kota awal di kawasan pesisir pantai dan lembah sungai Semenanjung Tanah Melayu telah dibuktikan melalui kajian terhadap sumber-sumber asing, terutamanya catatan pengembara Cina dan India. Kota-kota tersebut termasuklah Tan-Tan, Pan-Pan, Tun-Sun, Langkasuka, Kedah Tua dan Tambralinga.<sup>1</sup> Berbeza dengan kerajaan-kerajaan di kepulauan Jawa dan tanah besar Indochina, kurangnya penemuan arkeologi di Semenanjung Tanah Melayu menimbulkan pelbagai persoalan mengenai struktur politik yang wujud dan bentuk evolusi sosial yang membawa kepada pembentukan kota-kotanya. Isu-isu ini telah dibahasakan oleh beberapa sarjana dari aspek sosio-antropologi dan etno-arkeologi seperti Bronson<sup>2</sup> dan Christie<sup>3</sup>. Sarjana-sarjana tersebut telah memberi pandangan mereka yang tersendiri mengenai hubungan antara persekitaran sosioekonomi, dan ekozon dengan struktur masyarakat serta kesannya kepada bentuk organisasi politik yang wujud. Kajian mereka sehingga kini menjadi landasan teoretis bagi interpretasi mengenai

---

<sup>1</sup>Nazarudin Zainun 2015, hlm. 17-27.

<sup>2</sup>Bronson 1977, hlm. 39-52.

<sup>3</sup>Christie 1995, hlm. 39-61.

kota-kota pesisir pantai di Asia Tenggara. Penelitian terhadap struktur politik kota-kota pesisir pantai di Asia Tenggara perlu mengambil kira pengamatan terhadap struktur sosial masyarakat yang wujud dan hubungannya dengan persekitaran alam, mahupun persekitaran politik-sosioekonomi dunia luar.

Teori Christie telah menetapkan ciri-ciri khusus kota-kota awal Semenanjung Tanah Melayu serta kronologi perkembangannya. Christie berpendapat bahawa kota-kota pelabuhan di Kepulauan Melayu mempunyai persamaan dari segi manifestasi kuasa politik, struktur fizikal, sumber pendapatan dan ciri substruktur ekonomi dalaman. Ciri fizikal utama yang dimiliki kota-kota adalah dari segi lokasinya yang tertumpu di kawasan lembah sungai. Dari segi sumber pendapatan pula, kesemua kota-kota tersebut bergantung kepada aktiviti perdagangan. Teori Bronson menyatakan aliran komoditi dari kawasan pedalaman ke kawasan pesisir. Model Bronson dicadangkan berdasarkan kepada andaian bahawa komoditi yang dihasilkan cuma datang dari pedalaman, dan diangkut dari kawasan hulu ke hilir dalam satu arah dan kelompok-kelompok penempatan wujud sebagai sistem terencil. Walau bagaimanapun, persoalan mengenai waktu, lokasi dan mekanisme peralihan sosioekonomi yang membawa kepada kewujudan organisasi politik tidak diterangkan dengan lanjut dalam kedua-dua teori tersebut.

Teori formasi sosial (*social formation*) oleh Marx merangkumi perbincangan mengenai semua bentuk hubungan berproduktif (*Productive Relation*) yang wujud sepanjang sejarah manusia. Antara perkara berkaitan dengan hubungan berproduktif yang dibincangkan termasuklah asal-usul harta persendirian (*origin of private property*), formasi kelas-kelas (*formation of classes*), cara eksploitasi dan perjuangan antara kelas (*means of exploitation and class struggle*), formasi kerajaan (*formation of state*), analisis era-era progresif dalam formasi ekonomika masyarakat (*analysis of all progressive eras of the economic formation of society*), asas usul, perkembangan dan kemerosotan bentuk-bentuk mod pengeluaran yang berbeza (*origin, development and disappearance of various modes of productions*) dan sebagainya. Persoalan berkenaan evolusi sosial dan struktur politik kota-kota awal Semenanjung Tanah Melayu juga boleh dibahas berdasarkan kepada aspek-aspek perbincangan ini.

Makalah ini akan cuba menilai kesesuaian dan aplikasi falsafah Marx-Engels dalam mentafsir evolusi sosial masyarakat awal di Semenanjung Tanah Melayu dan struktur politik kota-kota awalnya.

## 2 Tahap-Tahap Perkembangan Masyarakat

Sebelum timbulnya kerajaan-kerajaan awal di tanah besar Indochina dan kepulauan Jawa, populasi manusia prasejarah di kawasan tersebut adalah besar. Populasi masyarakat prasejarah tersebut telah mengalami perubahan dari aspek cara hidup dan kebudayaan. Perubahan struktur sosioekonomi masyarakat penempatan prasejarah tersebut telah menyebabkan struktur sosial, politik dan ekonomi masyarakat tersebut berkembang secara berterusan sehingga kelompok masyarakat primitif tersebut beralih menjadi sebuah masyarakat yang berkerajaan. Proses peralihan tersebut melibatkan evolusi sosial yang panjang.

Perubahan masyarakat prasejarah kepada masyarakat yang bertamadun berlaku secara berperingkat. Secara umumnya, evolusi sesebuah masyarakat primitif kepada masyarakat yang bertamadun melibatkan dua peralihan utama. Peralihan pertama melibatkan perubahan dari masyarakat memburu memungut kepada masyarakat petani awal. Peralihan seterusnya melibatkan perubahan daripada masyarakat petani awal kepada masyarakat berkerajaan. Tiga tahap perkembangan yang wujud tersebut ditakrif berdasarkan kepada beberapa aspek cara hidup yang dimiliki. Ketiga-tiga tahap perkembangan masyarakat tersebut memiliki perbezaan dari segi kebudayaan material, pola penempatan, struktur sosial, tahap teknologi, kegiatan ekonomi, serta bentuk manipulasi mereka terhadap alam.

Masyarakat memburu-memungut merupakan tahap perkembangan manusia yang paling awal. Kehidupan masyarakat tersebut amat bergantung kepada sumber-sumber asli yang belum dimanipulasi yang wujud di dalam lingkungan alam mereka. Aktiviti ekonomi mereka adalah didasarkan kepada kegiatan memungut hasil-hasil hutan, menangkap ikan dan memburu haiwan untuk kehidupan seharian mereka. Hasil daripada aktiviti-aktiviti tersebut dikonsumsi tanpa wujud sebarang bentuk surplus. Mereka terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil manusia yang saling berpindah randah dan tidak memiliki kediaman tetap. Mereka memiliki teknologi merepik alat-alat batu, yang digunakan untuk meraut, menetak, memotong dan menebuk. Kebudayaan material mereka masih lagi didasarkan kepada sumber-sumber alam di sekeliling mereka. Masyarakat memburu-memungut bergerak dalam kelompok-kelompok kecil dengan struktur sosial yang ringkas dan merupakan masyarakat egaliter.

Hasil daripada perkembangan populasi dan teknologi, perkembangan mereka dianjakkan ke satu tahap lagi, iaitu daripada masyarakat memburu memungut, kepada masyarakat petani awal. Tahap perkembangan ini melibatkan masyarakat yang mengamalkan *horticulture*, ataupun pertanian sara diri, serta aktiviti penternakan haiwan. Teknologi pembuatan yang menjadi ciri utama masyarakat ini adalah pembuatan tembikar dan penggunaan beliung bercanai. Perkembangan selanjutnya membawa kepada wujudnya teknologi pembuatan logam. Bermula dengan masyarakat semi-nomadik, masyarakat tersebut mula tinggal di kawasan-kawasan penempatan tetap. Kewujudan sumber-sumber pertanian telah mengukuhkan lagi substruktur ekonomi masyarakat pada ketika ini. Dengan berkembangnya teknologi penggunaan peralatan dan pengairan, telah berlaku pertambahan jumlah penduduk, pengumpulan surplus, dan seterusnya proses stratifikasi sosial yang menyediakan asas kepada perkembangan yang selanjutnya.

### **3 Mod Pengeluaran dan Peralihan Sosioekonomika**

Perkara yang menjadi asas kepada perbezaan aspek struktur sosial, teknologi, keadaan sosioekonomi, serta kebudayaan material kedua-dua tahap perkembangan masyarakat tersebut merupakan bentuk mod pengeluaran yang wujud. Mod pengeluaran merupakan bentuk manipulasi manusia terhadap persekitaran mereka untuk menghasilkan komoditi. Diperhatikan bahawa mod pengeluaran yang dimiliki oleh kedua-dua tahap perkembangan masyarakat tersebut mempunyai perbezaan yang ketara. Mod pengeluaran masyarakat memburu memungut melibatkan penggunaan sumber alam secara langsung. Komoditi yang dihasilkan terdiri daripada sumber alam di lingkungan persekitarannya yang dikumpul dan terus dikonsumsi. Sumber-sumber hutan yang wujud boleh terus dipungut tanpa perlu dipelihara terlebih dahulu. Bagi masyarakat petani awal pula, mod pengeluarannya melibatkan penghasilan komoditi melalui manipulasinya terhadap tanah dan haiwan dengan penggunaan peralatan dan teknologi yang wujud. Masyarakat pertanian yang berkembang tersebut menghasilkan komoditi yang terdiri daripada hasil pertanian dan ternakan yang seterusnya membawa kepada kewujudan surplus.

Hubungan material merupakan asas kepada pembentukan struktur masyarakat dan melibatkan uniti hubungan berproduktif yang

wujud. Superstruktur masyarakat yang juga merupakan hubungan ideal terdiri daripada konsep kerajaan, perundangan, kebudayaan material berkembang hasil daripada kesedaran sosial sesebuah masyarakat. Superstruktur masyarakat tersebut bergantung kepada bentuk hubungan material yang wujud. Formasi sosioekonomi merupakan hasil manifestasi dan penjelmaan semula hubungan sosial sesebuah masyarakat.

Aspek hubungan material yang menentukan tahap perkembangan masyarakat tersebut serta bentuk superstruktur yang wujud merupakan tahap produktiviti masyarakat. Keberlangsungan, serta perkembangan sesebuah masyarakat terletak kepada aktiviti manipulasi masyarakat terhadap persekitarannya melalui tenaga kerja sosial (*social labour*). Tenaga Kerja didefinisikan sebagai proses apabila manusia dan alam saling berinteraksi dengan manusia atas kesedarannya sendiri untuk memulakan, menyelia dan mengawal tindak balas antara dirinya dan alam untuk terus hidup. Tenaga kerja (*labour*) merupakan penghubung antara agregasi-agregasi dalam masyarakat dengan persekitarannya. Bentuk tenaga kerja yang wujud menjadi punca kepada kekayaan sesebuah masyarakat dan menjadi prasyarat kepada kewujudan masyarakat manusia. Ia menjadi satu bentuk medium pragmatis yang merealisasikan kehendak manusia dan menjadi prasyarat kepada kesedaran sosial manusia itu sendiri. Sesebuah masyarakat cuma boleh wujud dan berkembang melalui tenaga kerja sosial, kerana melalui tenaga kerjalah sumber-sumber alam dapat dipindahkan ke dalam masyarakat supaya ia dapat digunakan. Hasil akhir kepada proses interaksi antara alam dan masyarakat adalah produktiviti. Elemen utama yang menjadi syarat kepada perkembangan sesebuah masyarakat ialah produktiviti, iaitu beza nilai antara jumlah produk yang dihasilkan, daripada proses tenaga kerja dan jumlah tenaga kerja yang digunakan.

Produktiviti tenaga kerja sosial menentukan tahap perkembangan sesebuah masyarakat pada satu-satu masa. Peralihan daripada masyarakat memburu memungut kepada masyarakat petani awal dan seterusnya kepada masyarakat berkerajaan melibatkan pertambahan produktiviti tenaga kerja sosialnya. Faktor-faktor yang membawa kepada pertambahan produktiviti termasuklah perkembangan teknologi pembuatan, serta penemuan punca kepada sumber komoditi baru. Dengan bertambahnya produktiviti, jumlah sumber dari alam yang “diserap” ke dalam masyarakat akan turut bertambah. Keadaan ini akan mengubah bentuk substruktur ekonomi masyarakat tersebut. Perkembangan ini akan mencapai pada satu tahap apabila

masyarakat itu berkembang dengan pesatnya sehingga ia membawa kepada peralihan bentuk formasi sosioekonomi ke tahap yang lebih tinggi. Perkara ini merupakan faktor perubahan katakalismik yang membawa kepada anjakan formasi sosioekonomi masyarakat memburu-memungut kepada formasi sosioekonomi masyarakat petani awal, dan juga perkembangan kepada peringkat seterusnya. Pembentukan kerajaan merupakan tahap perkembangan apabila sesebuah masyarakat telah mula memiliki struktur sosial, ekonomi dan politik yang lebih kompleks berbanding dengan tahap-tahap perkembangan masyarakat sebelumnya. Perubahan organisasi sosial masyarakat petani awal kepada masyarakat berkerajaan melibatkan satu bentuk peralihan formasi sosioekonomi yang amat ketara. Masyarakat berkerajaan muncul pada satu tahap perkembangan ekonomi tertentu, apabila timbulnya keperluan untuk menjelmakan jurang sosioekonomi kelompok-kelompok tertentu di dalam sesebuah masyarakat ke bentuk pembahagian kelas.

#### 4 Definisi Kerajaan dan Pembentukannya

Secara umumnya, kerajaan didefinisikan sebagai satu bentuk sistem masyarakat yang telah melalui proses integrasi yang menggunakan suatu bentuk kuasa paksaan (*coercion*) yang diimposisikan oleh sekumpulan manusia dalam sesebuah masyarakat itu sendiri terhadap masyarakat tersebut.<sup>4</sup> Imposisi kuasa tersebut membolehkan sekumpulan manusia melaksanakan kehendak mereka terhadap majoriti populasi masyarakat yang wujud. Pemerintahan pula merupakan satu badan yang terdiri daripada sekumpulan manusia mewakili kerajaan yang berfungsi untuk melaksanakan kehendak golongan pemerintah.<sup>5</sup> Pemerintahan merupakan satu bentuk mekanisme pentadbiran yang merupakan manifestasi kepada kehendak golongan pemerintah kepada golongan yang diperintah. Dalam struktur politik sesebuah masyarakat, boleh wujud masyarakat tanpa kerajaan dengan pemerintahan ataupun masyarakat berkerajaan dengan pemerintahan. Perkara yang membezakan antara dua bentuk masyarakat tersebut adalah dari segi tahap kompleksiti dalam struktur sosial yang wujud. Perkara yang sepatutnya menjadi titik tolak kepada perbincangan mengenai struktur politik merupakan persekitaran sosioekonomi sesebuah masyarakat.

---

<sup>4</sup>Lasky 1935, hlm. 20.

<sup>5</sup>Lasky 1935, hlm. 23.

Kepelbagaian dari segi definisi dan konsep kerajaan adalah amat bergantung kepada persekitaran sosioekonomi sesebuah masyarakat. Tetapi, secara umumnya semua bentuk kerajaan bertujuan untuk mentadbir kelompok manusia dalam jumlah yang besar.<sup>6</sup> Evolusi sesebuah penempatan untuk membentuk sebuah kerajaan melibatkan peralihan dari satu tahap ke tahap yang lain. Tahap-tahap tersebut melibatkan bentuk organisasi sosial manusia yang tertentu.<sup>7</sup> Daripada evolusi tersebut, timbul kerajaan dalam bentuk-bentuk yang berbeza seperti negara kota, negara bangsa, negara autokratik, negara oligarki, empayar dan juga negara teokratik. Bentuk-bentuk kerajaan tersebut timbul hasil daripada evolusi masyarakat pada waktu, persekitaran sosioekonomi dan tempat yang berbeza-beza. Kepelbagaian bentuk kerajaan tersebut dibezakan berdasarkan kepada perbezaan dalam bentuk organisasi sosial, politik dan bentuk taburan penempatan yang wujud dalam kerajaan tersebut.

Bermula dari kurun Ke-2 Masihi, diperhatikan bahawa penempatan-penempatan manusia di kawasan tanah besar Indochina dan kepulauan Jawa telah berkembang menjadi kerajaan-kerajaan awal. Kawasan-kawasan tersebut termasuklah Lembah Sungai Mekong (Kerajaan Angkor), Lembah Sungai Chao Phraya (Kerajaan Dvaravati), Lembah Sungai Merah (Kerajaan Dai-Viet), Dataran Jawa Tengah (Kerajaan Mataram) dan Lembah Sungai Irrawaddy (Kerajaan Hamsavati). Hal dibuktikan melalui gambaran yang diberikan di dalam rekod-rekod Cina dan juga berdasarkan kepada penemuan arkeologi yang wujud.<sup>8</sup> Kesemua kerajaan tersebut diketahui memiliki kesenian, kod undang-undang, sistem ekonomi, serta struktur stratifikasi sosial yang jelas. Kerajaan-kerajaan tersebut telah mula mengukuhkan kedudukan mereka selepas kurun ke-7 Masihi.<sup>9</sup> Perkembangan selanjutnya dari kurun ke-9 hingga ke-14 Masihi melibatkan proses perluasan wilayah dan pembudayaan, perkembangan kesenian dan bahasa, serta penetapan sempadan.<sup>10</sup> Hal ini telah membawa berkembangnya konsep-konsep negara bangsa yang seterusnya menjadi asas kepada pembentukan kerajaan-kerajaan moden selepas kurun ke-16 Masihi.

Di Semenanjung Tanah Melayu dengan lokasinya yang strategik

---

<sup>6</sup>Krader 1968, hlm. 4.

<sup>7</sup>Cohen 1981, hlm. 90.

<sup>8</sup>Coedes 1966, hlm. 68-69; Coedes 1969, hlm. 37-38, 42-43, 53; Vickery 1969, hlm. 61-63.

<sup>9</sup>Coedes 1969, hlm. 81-93.

<sup>10</sup>Coedes 1969, hlm. 218-235.

dan secara berterusan dilawati oleh para pedagang, sudah semestinya wujud satu bentuk organisasi politik yang memantau aliran keluar-masuk komoditi di pelabuhan tersebut. Sehingga kini, timbul pelbagai persoalan mengenai bentuk organisasi politik kota-kota awalnya, lokasi pusat pentadbirannya, mekanisme evolusinya dan jangka masa perkembangannya. Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, hujah haruslah bertolak dari konsep dan definisi yang jelas mengenai kerajaan dan pemerintahan. Konsep dan definisi tersebut pula haruslah bersesuaian dengan bentuk dinamika sosial penempatan awal dengan mengambil kira persekitaran ekozon dan geografinya.

Berdasarkan kepada falsafah Marx-Engels, kerajaan merupakan suatu stratum yang menjadi representasi kepada masyarakat yang muncul dari substruktur ekonominya.<sup>11</sup> Masyarakat berkerajaan secara ringkas boleh didefinisikan sebagai sebuah masyarakat dengan sistem sosialnya diacu ke dalam bentuk organisasi undang-undang yang bertujuan untuk mengawal hubungan, tatacara dan perilaku rakyatnya, sebagai satu manifestasi kehendak sekumpulan kecil pemerintah untuk mengatasi konflik dalaman masyarakat tersebut.<sup>12</sup> Kerajaan juga merupakan satu bentuk organisasi kuasa tertentu yang diwujudkan oleh kelas pemerintah untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka dan mengeksploitasi golongan yang diperintah melalui kawalan terhadap cara-cara pengeluaran dan mod pengeluaran.<sup>13</sup> Sesebuah masyarakat dikatakan berada pada formasi sosioekonomi masyarakat berkerajaan apabila agregasi-agregasi<sup>14</sup> sesebuah masyarakat pada satu ruang dan masa tertentu mengalami proses integrasi dari segi ekspresi ritual, ideologi, pemantauan terhadap keamanan, perlindungan pada sempadan politik negara<sup>15</sup>, dan kewujudan jalinan hubungan luar.<sup>16</sup> Di dalam sesebuah masyarakat berkerajaan, tetap akan wujud golongan yang memerintah dan diperintah, dengan pembahagian kelas yang amat jelas.

Kerajaan muncul hasil daripada evolusi sosial sesebuah masyarakat

---

<sup>11</sup>McMurthy 1978, hlm. 100.

<sup>12</sup>Krader 1968, hlm. 22.

<sup>13</sup>F. Engels 1972, hlm. 410.

<sup>14</sup>Agregasi-agregasi masyarakat wujud dalam bentuk individu yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Lihat Bukharin 1969, hlm. 85-87.

<sup>15</sup>Takrifan sempadan adalah bergantung kepada bentuk kerajaan yang dirujuk. Ia tidak semestinya merujuk kepada sempadan fizikal yang melibatkan tanah semata-mata. Ia boleh juga ditakhsir sebagai sempadan dari segi taburan populasi.

<sup>16</sup>Krader 1968, hlm. 13.



kat dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Pembentukan masyarakat berkerajaan bermula dengan wujudnya kelas-kelas di dalam masyarakat yang berantagonis pada penghujung fasa perkembangan masyarakat petani awal. Pada fasa ini, telah berlaku kontradiksi dan konflik dalaman, akibat daripada proses pembesaran jurang sosial antara kelas-kelas yang berantagonis tersebut.<sup>17</sup> Hal ini seterusnya membawa kepada wujudnya formasi sosioekonomi yang secara kolektif melibatkan eksploitasi satu kelas manusia terhadap kelas yang lain, dengan seluruh perkembangannya berada dalam keadaan kontradiksi yang berterusan.<sup>18</sup> Perkembangan tersebut adalah disebabkan oleh perubahan bentuk mod pengeluaran serta bentuk hubungan sosial yang wujud.<sup>19</sup>

Masyarakat primitif pada awalnya mengawal hubungannya melalui adat, tradisi serta norma masyarakat yang telah berevolusi sejak ratusan tahun hasil daripada interaksi sesama ahli masyarakat dan juga dengan persekitaran mereka. Daya penggerak kepada perkembangan masyarakat pada ketika itu cuma terletak kepada kesedaran sosial kesemua ahli-ahlinya. Proses produksi masyarakat primitif bersifat kolektif, dan dikonsumsi oleh semua ahli masyarakat. Penghasil kepada komoditi tersebut mampu mengawal aliran komoditinya dan tidak berlaku pertukaran. Pemilikan harta individu tidak wujud pada ketika itu, komunal (*communal*). Walau bagaimanapun, apabila berlaku pemisahan tenaga kerja, bentuk hubungan sosial masyarakat primitif mulai berubah.

Pemisahan tenaga kerja merupakan satu bentuk proses pengkhususan kerja pada tenaga kerja sosial yang berlaku pada satu tahap tertentu perkembangan sesebuah masyarakat. Ia melibatkan pembahagian proses produksi untuk komoditi yang berbeza kepada kelompok manusia yang berbeza di dalam sesebuah masyarakat.<sup>20</sup> Dalam proses pemisahan tenaga kerja, wujud komoniti-komoniti di dalam masyarakat yang sama dan cuma memiliki kepakaran dalam produksi komoditi yang berbeza. Komoditi yang dihasilkan bukan sahaja kegunaan sendiri, tetapi juga untuk ditukarkan dengan komoditi yang lain. Perkembangan ini membawa kepada aktiviti perdagangan antara komoniti-komoniti tersebut, yang seterusnya membawa kepada perkembangan kepada kompleksiti sesebuah

---

<sup>17</sup>F. Engels 1972, hlm. 234.

<sup>18</sup>F. Engels 1972, hlm. 236.

<sup>19</sup>Daglish 1974, hlm. 408.

<sup>20</sup>Marx 1954, hlm. 332.

masyarakat dari aspek produksi secara kolektif.<sup>21</sup>

Pengkhususan kerja serta aktiviti perdagangan membawa kepada wujudnya golongan mengerjakan dan memiliki sumber pengeluaran. Pada peringkat ini komoditi saling bertukar tangan, proses pertukaran yang berterusan membawa kepada pengumpulan lebihan komoditi. Kompleksiti dan jurang ekonomi yang wujud pada masa yang sama membawa kepada wujud golongan yang diperintah dan golongan yang memerintah.<sup>22</sup> Hasil daripada konflik berterusan antara golongan yang mengeksploitasi dan yang dieksploitasi, berkembanglah struktur kerajaan yang berfungsi untuk mengatasi konflik tersebut. Golongan pemerintah menjadi kelas yang memelihara kepentingan ekonomi mereka dengan mengimplementasi kehendak mereka terhadap golongan yang diperintah melalui pengawalan terhadap struktur dan hubungan sosial yang wujud. Struktur kerajaan berkembang hasil daripada anarki perlawanan antara kelas. Golongan yang paling dominan dari segi ekonomi, seterusnya akan memiliki kuasa politik untuk memerintah kelas yang dikuasai. Bentuk stratifikasi sosial yang wujud pula bergantung kepada penguasaan seseorang terhadap harta persendirian.

Kelas pemerintah sesebuah kerajaan diketahui berkembang daripada sekelompok komuniti daripada masyarakat yang sama.<sup>23</sup> Dengan penguasaan terhadap aspek ekonomi dan politik, secara beransur-ansur kelas tersebut memisahkan diri mereka daripada proses produksi, dan berada di puncak hierarki di dalam stratifikasi sosial. Kelas pemerintah selalunya membahagikan rakyatnya mengikut kawasan dan permukiman. Antara ciri utama yang wujud di dalam struktur masyarakat berkerajaan adalah wujudnya cukai yang dikenakan terhadap pemerintah terhadap rakyat untuk mengukuhkan lagi kuasa ekonomi pemerintah. Di samping itu, wujudnya institusi yang berfungsi untuk menerap dan melaksanakan kehendak pemerintah. Institusi tersebut wujud sebagai kod undang-undang yang dilaksanakan dengan/tanpa kerelaan rakyat.

Secara keseluruhan, aliran perubahan masyarakat yang membawa kepada pembentukan kerajaan, adalah dari masyarakat memburu memungut ke masyarakat petani, dan seterusnya ke masyarakat berkerajaan. Peralihan masyarakat petani kepada masyarakat berkerajaan berlaku apabila produktiviti masyarakat tersebut telah

---

<sup>21</sup>Marx 1954, hlm. 332.

<sup>22</sup>Daglish 1974, hlm. 410.

<sup>23</sup>F. Engels 1972, hlm. 227-278.

berada pada satu tahap sehingga sumber yang diperolehi melebihi sumber yang dikonsumsi, dan lebih itu boleh diperdagangkan. Diperhatikan bahawa peralihan formasi sosioekonomi masyarakat prasejarah ke masyarakat berkerajaan disebabkan oleh berlakunya konflik antara kelas yang membawa kepada proses stratifikasi sosial. Berdirinya satu sistem kerajaan adalah berpunca dari tindakan kelas pemerintah yang memiliki penguasaan terhadap sumber ekonomi dan politik yang menentukan bentuk hubungan sosial dalam masyarakat untuk mengekalkan penguasaan mereka. Proses pembahagian tenaga kerja yang menjadi pencetus kepada semua perkembangan ini adalah disebabkan oleh penambahan jumlah komoditi yang dihasilkan di dalam sesebuah masyarakat, dan wujud pertukaran barangan. Komoditi yang dihasilkan sama ada terdiri daripada hasil pertanian dan penternakan mahupun hasil pertukangan.

Walau bagaimanapun, bentuk peralihan formasi sosioekonomi tersebut tidak semestinya boleh diaplikasikan secara sepenuhnya kepada perkembangan kota-kota pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini kerana bentuk perkembangan masyarakatnya adalah agak berbeza, dari aspek bentuk mod pengeluaran yang wujud serta faktor yang membawa kepada pembentukan kerajaan.

## 5 Aplikasi Teori Marx-Engels dalam Sejarah Melayu

Peralihan formasi sosioekonomi yang diperkenalkan oleh Lewis Morgan<sup>24</sup> dan seterusnya dikembangkan lagi oleh Engels<sup>25</sup> menyatakan bahawa masyarakat memburu memungut berkembang ke masyarakat petani, dan seterusnya kepada masyarakat berkerajaan. Timbulnya masyarakat berkerajaan adalah diakibatkan oleh perkembangan mod pengeluaran masyarakat petani awal, iaitu apabila proses pengeluaran bertambah melebihi konsumsi masyarakatnya. Berdasarkan kepada rekod Cina, diketahui bahawa wujudnya satu sistem berkerajaan di kota-kota di Semenanjung Tanah Melayu, sama ada dalam bentuk sistem beraja, ataupun *chiefdom*. Walau bagaimanapun, dari segi aliran evolusi masyarakat, kota-kota Semenanjung Tanah Melayu kemungkinan mempunyai bentuk perkembangan yang berbeza daripada bentuk evolusi yang telah digariskan oleh Engels dan Morgan.

---

<sup>24</sup>Klopper 1969, hlm. 99-111.

<sup>25</sup>Marx & Frederick Engels 1968, hlm. 461-262, 566-584 dan F. Engels 1972, hlm. 224.

Dinamika perubahan sosial masyarakat, terutamanya dalam hal pembentukan kerajaan adalah sentiasa berdasarkan kepada perkembangan ekonomi yang wujud. Terbentuknya sesebuah kerajaan adalah apabila komoditi yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat mula dihasilkan dalam jumlah yang besar, dan wujud pengkhususan kerja dalam kalangan komuniti-komuniti dalam masyarakat. Proses pengeluaran komoditi yang dilakukan bukan lagi untuk tujuan konsumsi masyarakat, tetapi untuk diperdagangkan. Bagi kebanyakan kerajaan, komoditi yang diperdagangkan terdiri daripada hasil pertukangan, dan juga hasil pertanian.<sup>26</sup> Berlakunya stratifikasi sosial adalah disebabkan oleh penguasaan kelas pemerintah terhadap tanah dan tenaga kerja.

Bentuk evolusi masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu adalah berbeza, walaupun mekanisme perubahan formasi sosioekonomi masyarakat adalah mengikut generalisasi yang telah disediakan oleh Marx-Engels. Berdasarkan kepada teori, proses pertukaran berlaku pada penghujung peringkat perkembangan masyarakat petani awal.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun, di Semenanjung, akibat daripada lokasinya yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan, kawasan tersebut telah mula disinggah oleh para pedagang luar pada ketika mereka masih berada pada tahap perkembangan masyarakat memburu-memungut.<sup>28</sup> Penempatan-penempatan di kawasan pesisir dan lembah sungai telah mula menjadi pusat persinggahan para pedagang diakibatkan oleh lokasi dan keadaan ekozonnya, pada ketika hal masyarakatnya masih berada di tahap formasi sosioekonomi pemburu-pemungut. Pedagang-pedagang yang kebanyakannya berasal dari India dan China pula telah berada pada tahap kebudayaan yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, sumber-sumber hutan yang merupakan hasil komoditi daripada bentuk tenaga kerja sosial masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai permintaan yang luas pada ketika itu. Hal ini menyebabkan proses pertukaran komoditi di penempatan-penempatan tersebut telah berlaku apabila masyarakatnya masih berada pada fasa masyarakat memburu-memungut, dan bukan pada penghujung masyarakat agraris seperti mana yang telah digeneralisasikan di dalam teori.

Oleh yang demikian apabila wujudnya permintaan terhadap

---

<sup>26</sup>Daglish 1974, hlm. 392.

<sup>27</sup>Daglish 1974, hlm. 392.

<sup>28</sup>Kathirithamby-Wells 1990, hlm. 1.

komoditi-komoditi yang ditawarkan, penempatan tersebut mula berfungsi sebagai pusat pengumpulan. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada kewujudan interaksi perdagangan antara masyarakat pedalaman dan pesisir. Dalam interaksi ini, masyarakat dari pedalaman akan menukar hasil-hasil hutan dengan hasil-hasil pertanian yang dimiliki oleh masyarakat pesisir. Kegiatan perdagangan sebegini menjadi asas kepada pembentukan substruktur ekonomi sesuatu masyarakat pada ketika itu. Di dalam pembentukan kerajaan, tetap berlaku proses pemisahan tenaga kerja yang seterusnya membawa kepada konflik dan kontradiksi antara kelas-kelas yang berantagonis. Iaitu golongan yang mengeksploitasi dan golongan yang dieksploitasi. Bentuk kerajaan tersebut adalah selari dengan ciri-ciri Mod Pengeluaran Asiatik (*Asiatic Mode of Production*) yang telah dicadangkan oleh Marx dan Engels mengenai mod pengeluaran masyarakat di Asia.<sup>29</sup>

## 6 Kesimpulan

Diperhatikan bahawa kota-kota perdagangan yang muncul di kawasan pesisir pantai Semenanjung Tanah Melayu memiliki satu ciri khas yang tidak wujud dalam kerajaan-kerajaan agraris yang dijadikan contoh di dalam perbincangan Marx-Engels dan Morgan. Cirinya adalah bentuk penguasaan kelas pemerintah adalah didasarkan kepada penguasaan terhadap sumber manusia serta komoditi, dan bukan terhadap tanah. Hal ini kerana monopoli perdagangan cuma melibatkan kawalan terhadap aliran komoditi sahaja dan tidak melibatkan kawalan terhadap penghasilan komoditi. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kota-kota awal Semenanjung Tanah Melayu tidak memiliki bentuk persempadanan politik yang jelas. Hal ini adalah kerana definisi sempadan politik itu sendiri adalah bukan berdasarkan kepada sempadan fizikal, tetapi adalah berdasarkan kepada sejauh mana luasnya bentuk monopoli perdagangan yang dimiliki oleh satu-satu kelas pemerintah.

Mekanisme berlakunya proses-proses tersebut adalah berbeza dengan evolusi hierarki sosial yang telah ditetapkan oleh Marx-Engels dan Morgan. Bagi sebuah kota dengan aktiviti perdagangan sebagai sumber ekonominya yang utama, kelas pemerintah bukan terdiri daripada golongan yang memiliki sumber pengeluaran (*means of production*), tetapi terdiri daripada golongan orang tengah

---

<sup>29</sup>*Mad'iar* 1981, hlm. 76-94.

yang menjadi penghubung antara masyarakat memburu-memungut dengan pedagang asing. Kekuasaan kelas pemerintah adalah bukan berdasar kepada pemilikannya terhadap tanah, tetapi berdasarkan kepada pemilikannya terhadap monopoli perdagangan. Bentuk konflik dan kontradiksi antara kelas di dalam kes kota-kota di Semenanjung Tanah Melayu merupakan konflik antara kelas pengumpul hasil hutan, dan kelas pedagang yang mengedarkan komoditi tersebut. Untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka, kelas pemerintah tersebut memastikan bahawa aliran komoditi keluar adalah melalui orang tengah (golongan pemerintah), dan bukan melalui hubungan langsung antara masyarakat pemungut dan pedagang antarabangsa.

Perkembangan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu, dari tahap prasejarah sehingga berkerajaan dapat dibincangkan dengan menggunakan prinsip asas falsafah Marx-Engels. Walau bagaimanapun, kajian lanjut dari aspek etno-arkeologi, arkeologi, sejarah, sosio-antropologi dan falsafah perlu dilakukan untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai hal ini.

## Rujukan

Bronson, B.

1977 "Exchange at the Upstream and Downstream Ends: Notes towards a functional model of the coastal state in Southeast Asia", dlm. *Economic exchange and social interaction in Southeast Asia: Perspectives from Prehistory, History and Ethnography*, pnyt. K. L. Hutterer, Michigan: Ann Arbor University of Michigan, 39–52.

Bukharin, N. I.

1969 *Historical Materialism: A System of Sociology*, Michigan: University of Michigan Press, 85–87.

Christie, Jan Wisseman

1995a "State formation in early maritime Southeast Asia: a consideration of the theories and the data", *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde* (151, 2), 235–288.

1995b "Trade and state formation", *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde* (151, 2), 39–61.

Coedes, G.

1966 *The Making of South East Asia*, University of California Press.

1969 *The Indianized States*, pnyt. G. Coedes, University of Hawaii Press.

Cohen, R.

1981 "Evolution, fission and the Early State", dlm. *The Study of State*, pnyt. Henri J. M. Claessen & Peter Skalnik, Mouton Publisher.

Daglish, R.

1974 *The Fundamentals of Marxist-Leninist Philosophy*, Moscow: Progress Publisher.

Engels, F.

1972 *The origin of the family, private property, and the state*, New York: International Publisher.

Kathirithamby-Wells, J.

1990 "Introduction: An Overview", dlm. *The Southeast Asian Port and Polity*, pnyt. J. Kathirithamby-Wells & John Villiers, Singapore: Singapore University Press.

Klopper, M.

1969 (Terj.), *Marxism and Primitive Societies: Two Studies by Emmanuel Terray*, New York: Librairie François Maspero, 99–111.

Krader, L.

1968 *Formation of State*, New Jersey: Prentice Hall Inc.

Lasky, H. J.

1935 *The State in theory and practice*, London: George Allen and Unwin Ltd.

Lenin, V. I.

1971 *V. I. Lenin Selected works One Volume Edition*, New York: International Publisher.

Mad'iar, L. I.

1981 "Legitimacy of the AMP", dlm. *The Asiatic Mode of Production: Science and Politics*, pnyt. A. M. Bailey & J. R. Llobera, London: Routledge & Kegan Paul, 76–94.

Marx, Karl

1954 *Capital: Critique of Political Economy Vol. I*, London: Lawrence and Wishart.

Marx, Karl & Frederick Engels

1968 *Selected Works In One Volume*, London: Lawrence and Wishart Ltd.

McMurthy, J.

1978 *The Structure of Marx's World View*, Princeton: Princeton University Press.

Nazarudin Zainun

2015 "Hubungan China-Semenanjung Tanah Melayu hingga kurun ke-14 Masihi", dlm. *Perdagangan Dunia Melayu-China hingga kurun ke-16 Masihi: Satu Tinjauan Arkeologi dan Sejarah, Pulau Pinang*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 17–27.

Vickery, Michael

1969 *Society, Economics, and Politics in Pre-Angkor Cambodia*, Centre for East Asian Cultural Studies for Unesco.